

Jaminan tiga Naib Presiden UMNO

199M 4 JUL 2002

SUBANG 3 Julai — Kesemua tiga Naib Presiden UMNO memberi jaminan tidak akan merebut jawatan Timbalan Presiden parti yang disandang oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sehingga peralihan kuasa kepimpinan kerajaan selesai Oktober tahun depan.

Ini kali kedua komitmen serupa dibuat selepas mereka berbuat demikian pada 25 Jun lalu dengan memperakukan sokongan penuh kepada Abdullah sebagai bakal pengganti Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam kerajaan dan parti.

Naib Presiden, **Datuk Seri Najib Tun Razak** berkata, Abdullah perlu diberi sokongan penuh sejajar dengan keikhlasan dan keyakinan Dr. Mahathir menamakannya sebagai pengganti beliau.

Tegasnya, semua ahli UMNO juga perlu akur dan patuh kepada amanat Dr. Mahathir yang mahukan mereka mengutamakan parti daripada kepentingan peribadi.

"Kita serahkan kepada kebijaksanaan Dr. Mahathir dan Abdullah (dalam menentukan tiada perebutan kuasa semasa proses peralihan kepimpinan), Insya-Allah, mudah-mudahan," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas Perdana Menteri tiba dari bercuti di luar negara di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini, hari ini.

Seorang lagi Naib Presiden, **Tan Sri Muhyiddin Yassin** berkata, beliau menyambut baik tiada perebutan kuasa semasa proses peralihan kepimpinan kerajaan.

Menurutnya, sebagai ahli UMNO, mereka perlu akur bahawa parti mengatasi kepentingan peribadi.

"Bagi saya, itu amanat terpenting untuk UMNO kerana kita mahu melihat parti yang ada terus kekal tanpa pergolakan," katanya.

Dalam pada itu, **Tan Sri Muhammad Muhd. Taib** berkata, perebutan kuasa semasa proses peralihan kepimpinan hanya menyebabkan parti tidak stabil sekali gus menggugat ekonomi negara.

"Pesanan Dr. Mahathir supaya jangan mewujudkan perebutan kuasa perlu dipegang dan diikuti oleh para pemimpin UMNO di belakangnya sehingga ke bawah," katanya.